



BANJIR kilat turut dialami oleh penduduk rumah pangsa Pekeling, Jalan Tun Razak.

# Beribu kenderaan terkandas dalam banjir

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Beribu-ribu kenderaan terkandas dalam kesesakan jalan raya di sekitar ibu negara berikutan banjir kilat selepas hujan lebat petang ini yang turut menjelaskan beberapa kawasan penempatan rendah.

Berikutnya kesesakan tersebut, ramai warga kota yang bergegas pulang selepas waktu pejabat terpaksa berbuka puasa dalam kenderaan masing-masing setelah tersangkut di jalan raya.

Kawasan penempatan yang dinaiki air pula termasuklah Kampung Malaysia Tambahan di Sungai Besi yang memaksa kira-kira 100 keluarga berpindah ke Dewan Serbaguna kampung itu.

Banjir kilat juga melanda Kampung Segambut Stesen di sini yang memaksa 500 orang berpindah ke Bangunan UMNO Segambut Stesen.

Pegawai bertugas Bilik Gerakan Polis Trafik Kuala Lumpur, Sarjan Ismail Ibrahim berkata, hujan lebat bermula pukul 5.15 petang telah menyebabkan beberapa kawasan rendah sekitar ibu kota dilanda banjir.

"Antara jalan yang sesak teruk ialah Jalan Genting Klang menghala ke Jalan Tun Razak; Jalan Duta; Jalan Parlimen;

Jalan Pantai Baru; Jalan Kinabalu menuju Selayang dan Jalan Ampang.

"Keadaan bertambah buruk apabila angin kencang dan ribut menyebabkan beberapa batang pokok tumbang serta kejadian tanah runtuhan yang menghalang laluan.

"Bagaimanapun, tiada kecederaan ataupun kemalangan jiwa dilaporkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.


Kata Ismail, keadaan banjir kilat juga teruk di bawah Bulatan Pahang.

"Di Jalan Sultan Ismail pula, akibat terkandas dalam tempoh yang terlalu lama, enjin sebuah jip terbakar.

"Selain itu, kejadian tanah runtuhan di belakang Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di Jalan Kinabalu, memburukkan keadaan," jelasnya.

Berikutnya kejadian itu, pasukan Bomba dan Penyelamat serta Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur terpaksa melancarkan gerakan membersihkan pokok-pokok yang tumbang bagi memulihkan keadaan.

"Keadaan trafik dilaporkan mula pulih kira-kira pada pukul 8 malam ini," ujarnya.



BERIBU-RIBU kenderaan terkandas dalam kesesakan di Jalan Tun Razak setelah beberapa batang jalan raya di sekitar ibu negara banjir kilat malam tadi.



BANJIR kilat di sebahagian Jalan Duta memaksa penunggang motosikal berhati-hati mengharungi arus yang deras.